

03/08/1999

Dr Chandra diperintah beri penjelasan hina mahkamah

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Tinggi di sini hari ini memerintahkan Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Dr Chandra Muzaffar, hadir ke mahkamah 16 Ogos ini bagi menjelaskan kenapa tindakan tidak harus dikenakan terhadapnya kerana menghina mahkamah ekoran satu kenyataan akhbar beberapa hari lalu.

Hakim Datuk Ariffin Jaka berkata, kenyataan Dr Chandra itu jelas merujuk kepada perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berjalan sekarang.

"Adalah tidak kena bagi beliau membuat ulasan berkaitan kes yang sedang dibicarakan," katanya.

Sebelum itu, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah memohon mahkamah mengeluarkan satu notis perintah terhadap Dr Chandra berhubung kenyataannya itu, yang disiarkan oleh akhbar terbitan Pas, Harakah, keluaran hari ini (Isnin) dan juga dalam Internet.

Kenyataan itu dikatakan bertajuk 'Pengakuan dan Konspirasi' mengenai tindakan beberapa akhbar menyiarkan pengakuan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang dia diliwat oleh Anwar, Rabu lalu.

Sukma, pemilik butik, sedang dibicarakan bersama-sama Anwar atas tuduhan melakukan liwat terhadap Azizan Abu Bakar.

Isu itu dikemukakan oleh Mohtar sebelum Azizan dipanggil oleh mahkamah untuk menyambung keterangannya hari ini.

Ariffin kemudian memerintahkan Dr Chandra hadir ke mahkamah pada 16 Ogos ini untuk memberi penjelasan.

Beliau berkata, Dr Chandra, dalam kenyataannya itu membuat rujukan secara langsung kepada pengakuan Sukma yang mahkamah sudah memutuskan menerimanya sebagai barang kes.

"Melihat kepada perenggan akhir (kenyataan itu), ia menunjukkan penulisnya membuat fitnah serius secara langsung terhadap kewibawaan mahkamah," kata hakim itu.

Terdahulu, Mohtar, yang menegaskan menghina mahkamah adalah "satu perbuatan yang sangat berat", menggesa pembela supaya menyertai pendakwaan untuk mengutuk perbuatan itu.

Beliau berkata, kes penghinaan mahkamah adalah kes yang jelas memerlukan tindakan segera dan Dr Chandra perlu hadir ke mahkamah untuk membuat penjelasan berhubung perkara itu.

"Beliau boleh menafikan atau menjelaskan mengenai perkara itu," kata Mohtar.

Peguam utama Anwar, Christopher Fernando, ketika membantah permohonan supaya tindakan diambil terhadap Dr Chandra, berkata mahkamah perlu mengkaji dengan teliti perkara itu sebelum membuat sebarang perintah.

"Mahkamah belum mengesahkan sama ada Dr Chandra merupakan penulis sebenar kenyataan itu," katanya.

Beliau berkata, perintah itu tidak harus dipedulikan oleh mahkamah kerana tidak ada permohonan sewajarnya dikemukakan oleh pendakwaan.

Katanya, dalam perbicaraan lalu iaitu di hadapan Hakim Datuk S Augustine Paul, pembela ada menimbulkan isu berhubung kenyataan menghina mahkamah yang dikatakan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Bagaimanapun, katanya, Paul menasihatkan peguam Raja Aziz Addruse supaya membuat permohonan rasmi.

"Begitu juga dengan peguam Karpal Singh dalam perbicaraan kes ini,

pernah menimbulkan isu penghinaan mahkamah yang dikatakan dilakukan oleh Perdana Menteri dan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar, dan beliau juga dinasihatkan supaya melakukan permohonan rasmi," katanya.

Dengan itu, katanya, Mohtar perlu membuat permohonan rasmi berhubung perkara itu.

(END)